

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID (KEMAMAN)

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi memastikan Dasar Bahasa Kebangsaan diperkasakan secara menyeluruh dan bersepadu di sekolah-sekolah seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berperanan penting dalam memastikan bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, selaras dengan ketetapan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152). Dalam hal ini, Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan selaras dengan Akta Pendidikan 1996.

KPM telah membuat perancangan dan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memperkasakan bahasa Melayu secara menyeluruh dan bersepadu di semua sekolah seluruh negara. KPM telah menghasilkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti bahasa Melayu di sekolah dalam pelbagai aspek

seperti dalam bidang kurikulum, kokurikulum, pentaksiran, penyelidikan, menambah khazanah ilmu, kompetensi guru dan jaringan dengan pihak luar.

Antara inisiatif dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 ini ialah:

- i. membangunkan Kerangka Standard Bahasa Melayu;
- ii. menyediakan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu;
- iii. membangunkan Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu;
- iv. menubuhkan Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu;
- v. memperkasakan kemahiran lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di semua jenis Sekolah,
- vi. memperkasakan Ujian Lisan Bahasa Melayu sekolah rendah dan menengah;
- vii. membangunkan format baharu pentaksiran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Komunikatif Sijil Pelajaran Malaysia;
- viii. menjenamakan semula Kesusasteraan Melayu kepada Kesusasteraan Melayu Komunikatif di sekolah menengah;
- ix. menetapkan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu sebagai syarat mengikuti program di universiti;
- x. memilih bakal guru Bahasa Melayu dengan memberi keutamaan kepada calon yang memiliki kepujian Kesusasteraan Melayu Komunikatif; dan
- xi. membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi dan perniagaan.

KPM yakin usaha yang dilaksanakan ini dapat terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara dalam memupuk rasa cinta dan bangga terhadap bahasa kebangsaan.